

Tahap Motivasi Guru dalam Penggunaan Modul Gimnastik KSSR Tahun 5: Perbandingan antara Guru Opsyen dan Guru Bukan Opsyen

Jie Ying Low¹, Denise Koh Choon Lian^{2*}, M. Khalid M. Nasir³

^{1,2,3} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor, Malaysia

*Pengarang Utama: denise.koh@ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.01.015>

Maklumat Artikel

Diserah: 19 Mei 2025

Diterima: 26 Mei 2025

Diterbitkan: 10 Jun 2025

Kata Kunci

tahap motivasi; guru opsyen PJ; guru bukan opsyen PJ.

Abstrak

Pengenalan: Gimnastik merupakan salah satu topik yang dianggap lemah kerana guru sekolah rendah kurang berkeyakinan dan motivasi untuk mengajarnya. Oleh itu, Modul Latihan Gimnastik berdasarkan KSSR Semakan telah dibangunkan. Tujuan: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi guru terhadap modul tersebut dan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap motivasi antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ. Reka bentuk: Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif yang berlandaskan model motivasi ARCS oleh Keller (Perhatian, Relevan, Keyakinan, Kepuasan). Kaedah: Kajian melibatkan 105 responden dari lima buah sekolah di Kota Tinggi yang terdiri daripada guru opsyen PJ (n=62) dan guru bukan opsyen PJ (n=43). Kajian ini menggunakan Instructional Materials Motivation Survey (IMMS) sebagai instrumen penyelidikan untuk mengumpul data. Analisis data dilakukan dengan menggunakan ujian Mann-Whitney U. Keputusan: Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ. Secara keseluruhan, tahap motivasi guru menunjukkan kesan positif terhadap modul tersebut.

Keywords

motivation level; optional PE teacher; non-optional PE teacher.

Abstract

Introduction: Gymnastics is the one of weaker subject that primary school teachers lack confidence and motivation to teach. Therefore, a Gymnastics Training Module based on KSSR Gymnastics Training Module has been developed. Aims: The purpose of this research is to explore teachers' motivation level towards the module and determine whether there is a difference of motivation levels between optional PE and non-optional PE teachers. Design: This study used a quantitative methodology that follows Keller's Attention, Relevance, Confidence and Satisfaction (ARCS) motivational model. Methods: The study involved 105 respondents from five different schools in Kota Tinggi with optional PE teachers (n=62) and non-optional PE teachers (n=43). The Instructional Materials Motivation Survey (IMMS) was used as research instrument for data collection. Data analysis was conducted using

Mann-Whitney U test. Results: Findings revealed that a significant difference in motivation level between optional PE and non-optional PE. Overall, the motivation level for the teachers shows positive towards the module.

1. Pendahuluan

Subjek Pendidikan Jasmani merupakan kurikulum pendidikan nasional untuk membentuk generasi yang sihat sejahtera dan aktif bersukan. Pendidikan Jasmani yang berjaya dapat menyediakan pelajar lebih bersedia untuk menjalankan aktiviti fizikal, sukan dan rekreasi. Malaysia bukan sahaja memerlukan kurikulum pendidikan yang berkualiti untuk membentuk modal insan yang berpengetahuan dan berketrampilan serta berakhlak mulia, tetapi juga memerlukan modal insan yang sihat dan aktif untuk meningkatkan produktiviti nasional agar mampu bersaing di arena antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Pendidikan Jasmani mempunyai kelebihan iaitu menghasilkan modal insan yang seimbang dalam aspek fizikal, emosi, spiritual, intelektual, dan sosial, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjadikan Pendidikan Jasmani sebagai teras yang wajib di semua peringkat pendidikan di Malaysia melalui Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Tambahan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengeluarkan beberapa Pekeliling Profesional: Bil. 3/1979; Bil. 2/1988; Bil. 17/1998; dan Bil. 8/1990. Tujuan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan adalah untuk memaklumkan semua pengetua dan guru besar sekolah bahawa Pendidikan Jasmani mesti dilaksanakan semasa waktu pelajaran. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, salah satu topik utama dalam Pendidikan Jasmani ialah gimnastik yang bukan sahaja membantu dalam perkembangan fizikal murid tetapi juga menyumbang kepada pembangunan keyakinan diri dan disiplin.

Namun dalam pelaksanaannya, ramai guru PJ menghadapi cabaran dalam mengajar topik gimnastik dengan berkesan. Kekurangan pengetahuan khusus dan keyakinan dalam mengajar gimnastik menyebabkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran terjejas. Ramai guru tidak minat dan kurang motivasi apabila mengajar topik gimnastik kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan gimnastik yang khusus.

Untuk menangani isu ini, Modul Gimnastik yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan telah diintegrasikan untuk membantu guru-guru, namun impaknya terhadap motivasi dan pengetahuan guru-guru masih belum diketahui. Masih terdapat guru kurang jelas tentang panduan tersebut dan mereka kurang motivasi untuk mengajar," katanya. Hanya 8.9% guru yang dapat mengajar gimnastik secara memadai berdasarkan piawaian yang ditetapkan (Wee, 2019). Akibatnya, terdapat jurang dalam ketersediaan bahan bantuan yang sesuai dengan subjek Asas Gimnastik yang memenuhi piawaian kurikulum.

Bagi menyelesaikan isu ini, Nurhidayah Yaakop, Denise Koh & Ruhizan Mohammad Yasin (2023) telah merancang Modul Latihan Gimnastik KSSR yang baharu. Modul ini dirancang untuk memberikan panduan yang komprehensif dan mudah difahami oleh guru serta sekali gus berharap dapat meningkatkan motivasi guru dalam mengajar topik gimnastik. Kajian ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti tahap motivasi keseluruhan guru serta (ii) mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap motivasi antara guru opsyen PJ dan bukan opsyen PJ terhadap modul ini dalam mencapai matlamat tersebut. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan yang lebih jelas dan praktikal kepada guru serta memperkukuhkan pelaksanaan Pendidikan Jasmani terutamanya gimnastik di sekolah rendah.

Artikel ini disusun seperti berikut: Bahagian 2 membincangkan tinjauan literatur yang berkaitan dengan cabaran dalam pengajaran PJ, model ARCS dan komponen utama dalam Modul Latihan Gimnastik KSSR. Bahagian 3 membentangkan metodologi dan bahan yang digunakan. Bahagian 4 memaparkan hasil yang diperoleh daripada soal selidik pengumpulan data. Bahagian 5 pula membincangkan dapatan dan akhirnya Bahagian 6 merumuskan kesimpulan berdasarkan perbandingan antara objektif yang dinyatakan dan hasil yang diperoleh.

2. Tinjauan Literatur

2.1 KSSR Pendidikan Jasmani di Malaysia

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) merupakan mata pelajaran yang memberi penekanan kepada pembelajaran berdasarkan kemahiran asas pergerakan dan amalan gaya hidup sihat melalui domain psikomotor, kognitif, dan afektif, kesihatan reproduktif dan sosial, serta kesihatan mental. KSSR PJPK juga terdiri daripada Komponen Pendidikan Jasmani dan Komponen Pendidikan Kesihatan. KSSR PJPK digubal berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial, selaras dengan Dasar Sukan Negara serta mengambil kira polisi yang disyorkan oleh badan antarabangsa seperti United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), World Health Organization (WHO), dan International Council for Health, Physical Education, Recreation-Sports and Dance (ICHPER_SD).

KSSR Pendidikan Jasmani menyediakan murid dengan kemahiran gimnastik asas, pergerakan berirama, kemahiran asas permainan mengikut kategori, olahraga asas, rekreasi dan kesenggangan, konsep kecergasan dan kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan. Guru yang mengajar PJPK perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam pergerakan dan kecergasan fizikal berdasarkan disiplin ilmu Pendidikan Jasmani. Antara disiplin ilmu Pendidikan Jasmani adalah pembelajaran motor, perkembangan motor, biomekanik, fisiologi senam, psikologi sukan, dan sosiologi sukan dengan menerapkan nilai estetika.

2.2 Kekangan dalam PdPc Pendidikan Jasmani

Dalam satu kajian mengenai pelaksanaan Pendidikan Jasmani (PJ) di sekolah rendah Malaysia, Wee (2019) melaporkan bahawa terdapat keperluan untuk mempunyai guru PJ pakar kerana beban mengajar bagi majoriti guru PJ adalah kurang daripada lima waktu PJ seminggu dan majoriti guru PJ hanya terdiri daripada 6.2% sahaja. Salah satu isu utama dalam pengajaran PJ yang masih berterusan sehingga hari ini adalah kekurangan guru PJ yang berkecukupan di sekolah rendah dan menengah. Ini telah menyebabkan pergantungan kepada guru PJ luar bidang. Kajian mendapati bahawa guru bukan opsyen berada pada tahap sederhana dari segi kemahiran pengajaran pendidikan jasmani berbanding dengan guru pakar (Hafizati & Suziyani, 2021). Kajian oleh Amin & Lian (2022) juga menyatakan bahawa guru bukan opsyen kekurangan pengetahuan berkaitan dengan kurikulum pendidikan jasmani. Satu strategi yang boleh diambil adalah dengan menghasilkan guru PJ yang berkecukupan melalui Institut Pendidikan Guru dan universiti. Walaupun kerajaan Malaysia telah memainkan peranan penting dalam menghasilkan pekerja yang berpengetahuan untuk tenaga kerja, iaitu guru PJ, bilangan guru PJ yang dihasilkan setiap tahun masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan guru PJ yang berkecukupan di sekolah-sekolah Malaysia.

Pelaksanaan aktiviti PJ yang efektif, lancar dan selamat sangat dipengaruhi oleh persekitaran sekolah serta kemudahan fizikal yang mencukupi. Walau bagaimanapun, kekurangan kemudahan fizikal dan peralatan sukan masih menjadi cabaran kepada pelaksanaan PJ di sekolah sehingga kini. Masalah yang dihadapi oleh guru PJ ketika melakukan kegiatan untuk penilaian atau PdP PJ termasuk yang berkaitan dengan ketersediaan fasiliti fizikal dan alat-alat yang tidak cukup atau dalam keadaan yang buruk. Guru PJ terpaksa menggunakan peralatan alternatif meskipun mereka tahu bahawa hasil yang diperoleh kurang tepat. Kekangan lain yang dihadapi oleh guru-guru adalah ketersediaan ruang atau kawasan untuk melaksanakan aktiviti PJ. Kawasan yang luas dan mencukupi seperti gelanggang badminton dan padang bola boleh menyumbang kepada keberkesanan penilaian dan pelaksanaan PdP.

Proses pengajaran dan pembelajaran merangkumi aspek perancangan pelajaran, persiapan awal, penyampaian dan pembangunan pelajaran penilaian serta maklum balas oleh guru di mana pelajar adalah pelajar aktif dengan guru berperanan sebagai fasilitator. Pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan strategi pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan dan sesuai dengan keperluan pelajar dari pelbagai latar belakang dan kebolehan peribadi. Oleh itu, keberkesanan pengajaran bergantung kepada tahap pengetahuan guru Siti Hauzimah (2019) dan kompetensi guru (Bores-Garcia, Hortiguella-Alcala, D., & Fernandez-Rio, F-J, 2021). Tahap kompetensi guru dipengaruhi oleh latar belakang seperti kelayakan, Lynch & Soukup, G.J, (2017) dan pengalaman guru mengajar Pendidikan Jasmani (Syed Kamaruzaman, Mohd Zaki, Che Hassan, & Julismah, Jani, 2014). Kompetensi guru boleh dinilai berdasarkan kreativiti dan kecekapan mereka dalam merancang strategi pengajaran, memilih pendekatan dan teknik yang sesuai dengan tahap kepelbagaian kecerdasan pelajar untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan (Wee & Chin, N, 2020). Guru yang kompeten akan dapat mengawal disiplin dan memotivasikan pelajar melalui kaedah positif untuk terus belajar dan menguasai kemahiran. Pengalaman guru juga mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengajaran Pendidikan Jasmani. Guru baharu biasanya kurang berpengalaman dan kurang yakin untuk merancang strategi, memilih pendekatan, dan mengubahsuai pengajaran mereka mengikut tahap kebolehan pelajar berbanding guru Pendidikan Jasmani yang berpengalaman yang mempunyai kelebihan dari segi pengetahuan, kemahiran, dan organisasi kelas. Walau bagaimanapun, guru akan memperoleh pengalaman apabila mereka berinteraksi dengan persekitaran sekolah dan dunia pengajaran yang sebenar (Syed Kamaruzaman, 2017). Oleh itu, guru Pendidikan Jasmani perlu mempunyai keupayaan untuk menguasai kandungan pelajaran dengan baik, mampu menilai kekuatan dan kelemahan pelajar dan kemudian memberi maklum balas positif kepada pelajar semasa mengajar kemahiran (Nurhidayah, Mohd Norazmi, & Helvinder, 2021). Aspek kreativiti guru sangat penting. Akibat daripada perubahan semasa, guru Pendidikan Jasmani perlu lebih peka tentang cara merancang pendekatan baharu untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia, yang mengesyorkan agar guru menggunakan kreativiti dan inovasi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang cekap, menarik, dan menyeronokkan. Dalam erti kata lain, peranan guru hari ini telah berubah daripada sumber pengetahuan kepada perancang dan fasilitator dalam pengajaran dan pembelajaran, selain menjadi agen perubahan dan sumber inspirasi kepada pelajar.

Di Malaysia, penekanan pada mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah rendah merangkumi dua bidang iaitu kemahiran dan kecergasan. Bidang kemahiran lebih ditekankan, dengan peratusan 75% manakala 25% adalah dalam bidang kecergasan (KPM, 2019). Namun, trend hari ini menunjukkan bahawa pelajar lebih gemar aktiviti yang melibatkan alat elektronik. Menurut kajian oleh Lim & Denise, K (2021), peranti elektronik dan komunikasi yang canggih seperti telefon pintar, komputer, televisyen, permainan video dan peranti lain yang serupa menyebabkan kebanyakan kanak-kanak mengalami peningkatan berat badan kerana mereka menghabiskan berjam-jam duduk sendirian dan tidak melakukan apa-apa, terutamanya pelajar sekolah rendah. Penggunaan peranti elektronik yang berlebihan telah menggantikan masa lapang yang sepatutnya diisi dengan aktiviti rekreasi mungkin meningkatkan tingkah laku sedentari. Ini sejajar dengan penyelidikan antarabangsa yang menunjukkan kanak-kanak pada abad ke-21 menghabiskan lebih banyak masa dengan peranti daripada melakukan aktiviti fizikal dan obesiti dijangka meningkat akibatnya (Joseph & Chelsea L. Kracht, 2019). Pada masa yang sama, pelajar sekolah kini berada di bawah tekanan yang kuat untuk cemerlang dalam akademik. Tekanan atau stres ini datang daripada sistem pendidikan itu. Bolarinwa (2020) menjelaskan bahawa budaya sekolah adalah kuat sehingga ia menekankan prestasi akademik. Nampaknya, terdapat sekolah yang menganggap mata pelajaran PJ kurang penting dan menggunakan masa tersebut untuk mengajar PJ mata pelajaran peperiksaan (Muhammad Faizal, Faisol Elham, Zulkifli Awang & Shahril@Chairil Marzuki, 2014). Pentadbir atau pengurus sekolah umumnya mengutamakan pencapaian akademik (Hasnah & Jamaludin Badusah, 2017).

Pendedahan awal turut menunjukkan bahawa guru mempunyai rujukan yang sangat terhad dan tidak mudah digunakan. Dinyatakan juga bahawa bahan rujukan berkaitan Pendidikan Jasmani di sekolah adalah terhad dan sukar diakses oleh guru kerana tidak mesra pengguna (Wee et al. 2021). Dalam konteks kemahiran gimnastik, guru terpaksa merujuk kepada modul pengajaran yang disediakan oleh KPM kerana kekurangan rujukan dan panduan dalam bidang ini. Hal ini menyebabkan ada segelintir guru membiarkan murid bermain tanpa bimbingan. Contohnya, guru hanya memberikan sebiji bola kepada murid untuk bermain sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran (Mustafa & Salleh, 2019). Pengalaman ini menyebabkan murid menjadi skeptikal terhadap Pendidikan Jasmani, menganggapnya sekadar bermain bola atau bermain sahaja, padahal Pendidikan Jasmani meliputi pelbagai bidang yang menyeronokkan dan bermanfaat. KPM telah menyediakan buku panduan guru Pendidikan Jasmani untuk membantu guru dalam pengajaran dan memastikan penyampaian kandungan. Panduan pengajaran ini mengandungi perancangan unit dan pelajaran, serta amalan pedagogi untuk memastikan guru bersedia dengan pengetahuan, kemahiran, dan keyakinan untuk melaksanakan keseluruhan kurikulum.

2.3 Model ARCS

Motivasi ialah penggerak kepada kemahuan dan keinginan hendak berjaya ataupun hendak mencapai sesuatu. Model motivasi yang diperkenalkan oleh Keller dikenali sebagai model ARCS yang melibatkan komponen Attention (Perhatian), Relevance (Relevan), Confidence (Keyakinan) dan Satisfaction (Kepuasan). Reka bentuk motivasi difahami sebagai 'proses menyusun sumber dan prosedur untuk membawa perubahan dalam motivasi seseorang.' (Keller, 2010).

Sesuatu pengajaran perlu dapat menarik attention (perhatian) dan efektif supaya dapat menimbulkan rasa ingin tahu yang lebih mendalam terhadap pembelajaran. Sekiranya boleh melakukan beberapa perubahan, lagi baiknya untuk pembaca mengekalkan perhatian mereka. Modul gimnastik ini mengandungi contoh aktiviti pengajaran yang lengkap kepada guru. Guru boleh mengetahui langkah pengajaran dan pada masa yang sama mengambil perhatian terhadap keselamatan. Aspek kedua ialah relevance (relevan). Walaupun rasa ingin tahu sudah dirangsang, maklumat yang diberi perlu ada kaitan dengan sasaran. Sekiranya pembaca rasa kandungan tidak membawa nilai kepada mereka, mereka akan hilang motivasi. Kandungan modul ini selaras dengan objektif kurikulum KSSR. Ini sesuai dan mendorong guru untuk menggunakan modul ini sebagai panduan ataupun menghasilkan RPH.

Aspek seterusnya ialah confidence (keyakinan). Ini boleh diggapai dengan membantu seseorang membina jangkaan positif untuk berjaya. Selalunya seseorang kurang mempunyai keyakinan kerana kurang memahami apa yang diharapkan. Dengan menjelaskan objektif dan contoh sasaran pencapaian, dapat membantu membina keyakinan. Melalui pembacaan modul ini, guru boleh tahu langkah demi langkah pelaksanaan setiap kemahiran dan penilaian yang perlu dicapai oleh setiap murid. Aspek terakhir ialah satisfaction (kepuasan). Ia merujuk kepada perasaan positif tentang pengalaman pembelajaran seseorang. Modul ini direka untuk memberi peluang kepada guru untuk mempraktikkan apa yang dipelajari dalam konteks sebenar. Guru boleh menikmati proses pengajaran dan memperbaiki kemahiran mereka.

2.4 Komponen Utama Modul Latihan Gimnastik KSSR

Seperti yang diterangkan tadi, Nurhidayah Yaakop, Denise Koh & Ruhizan Mohammad Yasin (2023) telah merancang Modul Latihan Gimnastik KSSR Yang Baharu. Dalam reka bentuk pembangunan Modul Latihan

Gimnastik KSSR, terdapat enam komponen utama iaitu objektif, isi kandungan, strategi, aktiviti, aplikasi dan penilaian.

Jadual 1: *Komponen Utama dalam Modul Latihan Gimnastik KSSR*

Komponen Utama		Penerangan
1.	Objektif	Objektif latihan merujuk kepada matlamat dan hasil pembelajaran yang ingin dicapai menerusi pelaksanaan latihan atau modul pembelajaran. Dalam konteks Modul Latihan Gimnastik KSSR, objektifnya adalah untuk membantu guru mengendalikan PdPc topik gimnastik dengan berkesan selaras dengan matlamat pengajaran dalam kurikulum. Objektif yang realistik juga penting, iaitu objektif perlu selari dengan tahap kebolehan dan keupayaan sasaran agar ia boleh dicapai.
2.	Isi Kandungan	Kandungan Modul Latihan Gimnastik KSSR, dihasilkan berasaskan elemen dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Jasmani. Selain itu, beberapa ciri penting turut dititikberatkan seperti susunan topik yang sistematik, aktiviti interaktif, gabungan multimedia, dan penggunaan situasi harian dalam contoh yang diberikan agar pembelajaran lebih berkesan.
3.	Strategi	Keupayaan dalam memilih strategi pembelajaran dan pengajaran juga memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan murid yang berkualiti. Oleh yang demikian adalah amat penting bagi seseorang guru memilih dan menentukan strategi pembelajaran dan pengajaran mereka agar mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang baik dan efektif.
4.	Aktiviti	Aktiviti dalam Modul Latihan Gimnastik KSSR adalah aktiviti yang dilaksanakan dalam memastikan objektif pembelajaran tercapai sepenuhnya. Guru merancang aktiviti ini supaya murid berpeluang untuk mempraktikkan kemahiran gimnastik yang diperkenalkan dalam modul.
5.	Aplikasi	Aplikasi pula merujuk kepada aplikasi dalam talian yang digunakan untuk menyimpan semua maklumat mengenai Modul Latihan Gimnastik KSSR. Aplikasi ini juga menyokong kepada penyepaduan pelbagai jenis media seperti gambar, audio, video dan pautan dalam satu platform.
6.	Penilaian	Penilaian dalam modul latihan merujuk kepada proses mengumpul dan menganalisis maklumat untuk menentukan tahap penguasaan murid dalam topik pembelajaran. Pemerhatian, lisan dan ujian bertulis, amalan penilaian yang baik perlu menggunakan pelbagai instrumen seperti projek, pembentangan, portfolio, rubrik pentaksiran dan sebagainya.
7.	Rancangan Pengajaran Harian (RPH)	Dalam modul ini telah menghasilkan RPH bagi setiap kemahiran secara terperinci dengan elemen seperti standard kandungan, standard pembelajaran, objektif, agihan masa bagi setiap fasa dan butiran mengajar.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan deskriptif untuk mengumpul data. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang diisi secara atas talian. Setiap responden hanya diminta menjawab soal selidik sekali sahaja.

3.1 Pensampelan Dan Populasi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan kelompok bagi menentukan sampel kajian. Dalam kaedah ini, sekolah-sekolah dalam daerah Kota Tinggi dijadikan kelompok dan semua guru di sekolah terpilih telah dijadikan responden kajian. Penyelidik memilih lima buah sekolah rendah di daerah Kota Tinggi secara rawak untuk memastikan peluang yang sama diberikan kepada setiap sekolah. Soal selidik kemudian dihantar secara google form kepada semua guru di sekolah yang terpilih. Daripada proses pengumpulan data, sebanyak 105 soal selidik telah berjaya dikumpulkan. 105 soal selidik yang dikumpul terdiri daripada 62 orang guru opsyen PJ dan 43 orang guru bukan opsyen PJ.

3.2 Instrumen Dan Data Analisis

Instrumen yang digunakan ialah The Instructional Materials Motivation Survey (Keller, 2010). Dalam borang ini mengukur 4 dimensi iaitu keyakinan, perhatian, kepuasan dan relevan. Borang soal selidik adalah dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Peserta kajian menjawab item soal selidik melalui Google Form secara atas talian Antara konstruk yang terdapat dalam instrumen soal selidik yang dihasilkan ialah:

Bahagian A: Maklumat kajian dan persetujuan menyertai kajian

Penyelidik menerangkan tujuan kajian dan persetujuan untuk menyertai kajian. Penyelidik turut mengemukakan ciri-ciri sosio demografi peserta kajian seperti jantina, opsyen PJ dan bukan opsyen PJ, bilangan tahun mengajar. Dari Bahagian B hingga Bahagian E mengukur 4 dimensi iaitu keyakinan, perhatian, kepuasan dan relevan. Semua soalan menggunakan skala likert iaitu 1 'tidak benar', 2'sedikit benar', 3'agak benar', 4'kebanyakan benar', 5'sangat benar'.

Bahagian B: Pandangan peserta kajian terhadap keyakinan (Confidence) bahan bantu mengajar

Konstruk ini mempunyai tujuh item yang bertujuan untuk menilai kesukaran bahan dan bagaimana penyampaian memberikan jaminan bahawa pembelajaran akan berjaya.

Bahagian C: Pandangan peserta kajian terhadap perhatian (Attention) bahan bantu mengajar

Konstruk ini mempunyai sepuluh item yang memberi tumpuan kepada sejauh mana kandungan, gaya penulisan dan organisasi menarik dan mengekalkan perhatian pembaca.

Bahagian D: Pandangan peserta kajian terhadap kepuasan (Satisfaction) bahan bantu mengajar

Konstruk ini mempunyai empat item yang menilai keseronokan semasa pengajaran dan pencapaian yang dirasakan selepasnya.

Bahagian E: Pandangan peserta kajian terhadap relevan (Relevan) bahan bantu mengajar

Konstruk ini menunjukkan kegunaan kandungan supaya guru dapat menghubungkaitkan kandungan dengan pengetahuan yang sedia ada.

Untuk menyesuaikan dengan tetapan modul, beberapa ungkapan dan perkataan telah diubah dalam soal selidik IMMS. Sebagai contoh, ayat item asalnya "Kandungan pelajaran ini akan berguna kepada saya." telah berubah menjadi "Kandungan modul ini akan berguna kepada saya." Instrumen IMMS mengandungi enam item terbalik. Bagi item terbalik, skor yang lebih rendah pada item terbalik menunjukkan skor motivasi yang lebih tinggi daripada guru. Apabila menggunakan alat penyelidikan ini, skor item terbalik mesti ditukar secara manual. Contohnya, bagi item "Saya agak sukar untuk memahami sebahagian besar bahan dalam modul ini." Peserta kajian memberi skala 1, dalam proses analisis, akan ditukarkan kepada skala 5.

Bagi menjawab objektif pertama iaitu mengenal pasti motivasi keseluruhan guru dalam penggunaan modul latihan gimnastik KSSR, purata bagi setiap aspek telah dianalisis dalam jadual.

Bagi objektif kedua iaitu mengenal pasti tahap motivasi antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ dalam penggunaan modul latihan gimnastik KSSR, purata keseluruhan bagi kumpulan guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ telah dianalisis. Kajian ini pada asalnya merancang untuk menggunakan ujian t-sampel tidak bersandar untuk membuat perbandingan tahap motivasi antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ. Walau bagaimanapun, setelah data dikumpul dan diuji dengan ujian normaliti menggunakan Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk, didapati bahawa data tidak bertabur secara normal ($p < 0.05$). Oleh itu, perancangan telah berubah dengan menggunakan Mann-Whitney U sebagai alternatif bukan parameterik bagi data tidak normal.

Bukan itu sahaja, analisis bagi setiap aspek (keyakinan, perhatian, kepuasan, relevan) bagi kedua-dua kumpulan juga dilakukan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam berdasarkan dimensi yang berbeza. Perbandingan juga dilakukan dengan menggunakan Mann-Whitney U. Semua analisis dilakukan dengan menggunakan SPSS versi 27.

4. Dapatan Kajian

4.1 Tahap Motivasi Keseluruhan

Sebanyak 105 peserta telah mengisi soal selidik IMMS. Terdapat 62 (59%) orang guru opsyen PJ dan 43 (41%) orang guru bukan opsyen PJ.

Jadual 2: *Agihan Guru Opsyen PJ dan Guru Bukan Opsyen PJ*

Kumpulan Guru	Bilangan (n)	Peratus (%)
Opsyen PJ	62	59
Bukan opsyen PJ	43	41
Jumlah	105	100

Ujian normaliti telah dijalankan selepas kutipan data dengan menggunakan Shapiro-Wilk untuk menentukan taburan data bagi setiap aspek dan keseluruhan skor (Jadual 3).

Jadual 3: *Ujian Normaliti bagi Setiap Aspek dan Keseluruhan dalam IMMS*

Aspek	Kumpulan	Shapiro-Wilk	<i>p</i>	Normaliti
Keyakinan	Opsyen PJ	0.951	0.015	Tidak normal
	Bukan Opsyen PJ	0.925	0.008	Tidak normal
Perhatian	Opsyen PJ	0.944	0.007	Tidak normal
	Bukan Opsyen PJ	0.936	0.018	Tidak normal
Kepuasan	Opsyen PJ	0.907	<0.001	Tidak normal
	Bukan Opsyen PJ	0.904	0.002	Tidak normal
Relevan	Opsyen PJ	0.880	<0.001	Tidak normal
	Bukan Opsyen PJ	0.889	<0.001	Tidak normal
Keseluruhan	Opsyen PJ	0.937	0.003	Tidak normal
	Bukan Opsyen PJ	0.949	0.053	Normal

Berdasarkan analisis tersebut, nilai *p* bagi semua aspek (Keyakinan, Perhatian, Kepuasan dan Relevan) kedua-dua kumpulan adalah tidak normal ($p < 0.05$) kecuali keseluruhan purata bagi kumpulan guru bukan opsyen PJ ($p > 0.05$). Oleh itu, ujian bukan parametrik iaitu Mann-Whitney U digunakan untuk menganalisis perbezaan bagi setiap aspek dan keseluruhan purata kedua-dua kumpulan ini untuk memastikan konsistensi.

Jadual 4: *Purata motivasi keseluruhan (N=105)*

Aspek	Min	Maks	<i>M</i>
Keyakinan (Confidence) 7 item	3.28	4.25	3.93
Perhatian (Attention) 10 item	3.44	4.57	3.96
Kepuasan (Satisfaction) 4 item	4.23	4.35	4.30
Relevan (Relevant) 6 item	4.09	4.54	4.36
Keseluruhan (27 item)	3.76	4.43	4.14

**M* = Mean

Jadual di atas menunjukkan purata motivasi keseluruhan. Tahap motivasi keseluruhan minimum dalam kalangan 105 peserta ialah 3.76 manakala tahap maksimum adalah 4.43. Skor min bagi tahap keseluruhan ialah 4.14 menunjukkan keputusan yang amat positif.

4.2 Tahap Motivasi Antara Guru Opsyen PJ Dan Guru Bukan Opsyen PJ Mengikut Aspek Keyakinan, Perhatian, Kepuasan Dan Relevan

Jadual 5: Perbandingan tahap motivasi antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ mengikut aspek keyakinan, perhatian, kepuasan dan relevan

Aspek	Kumpulan	Mann-Whitney U				Kesimpulan
		Mean Rank	U	z	p	
Keyakinan (Confidence)	Opsyen PJ (n=62)	56.39	1123	-1.389	0.165	Tiada perbezaan signifikan
	Bukan opsyen PJ (n=43)	48.12				
Perhatian (Attention)	Opsyen PJ (n=62)	62.95	716	-4.030	<0.001	Perbezaan signifikan
	Bukan opsyen PJ (n=43)	38.65				
Kepuasan (Satisfaction)	Opsyen PJ (n=62)	53.98	1272.5	-0.402	0.688	Tiada perbezaan signifikan
	Bukan opsyen PJ (n=43)	51.59				
Relevan (Relevant)	Opsyen PJ (n=62)	52.92	1328	-0.033	0.974	Tiada perbezaan signifikan
	Bukan opsyen PJ (n=43)	53.12				

Ujian Mann-Whitney U dijalankan untuk membuat perbandingan tahap motivasi antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ. Jadual tersebut rumusan perbandingan dua kumpulan berdasarkan empat aspek iaitu keyakinan, perhatian, kepuasan, dan relevan. Dalam aspek keyakinan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ, $U = 1123$, $z = -1.389$, $p = 0.165$. Dalam aspek perhatian, ujian Mann-Whitney U menunjukkan perbezaan yang signifikan, $U = 716$, $z = -4.03$, $p < 0.001$. Tiada perbezaan signifikan dalam aspek kepuasan antara dua kumpulan, $U = 1272.5$, $z = -0.402$, $p = 0.688$. Bagi aspek relevan, juga menunjukkan tiada perbezaan signifikan, $U = 1328$, $z = -0.033$, $p = 0.974$. Secara kesimpulannya, hanya aspek perhatian menunjukkan perbezaan yang signifikan antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ. Saiz kesan bagi perbezaan ini adalah sederhana hingga besar ($r = 0.393$). Guru opsyen PJ mempunyai tahap perhatian yang lebih tinggi.

Jadual 6: Perbandingan tahap motivasi antara guru opsyen PJ dan bukan opsyen PJ

Kumpulan	Mean Rank	Mann-Whitney U			Kesimpulan
		U	z	p	
Opsyen PJ (n=62)	60.81	849	-3.158	0.002	Perbezaan signifikan
Bukan opsyen PJ (n=43)	41.74				

Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan motivasi antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ, perbandingan purata keseluruhan tahap motivasi berdasarkan kumpulan opsyen guru ($n = 62$) dan kumpulan bukan opsyen guru ($n = 43$) telah dilakukan dengan Mann-Whitney U. Hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ, $U = 849$, $z = -3.158$, $p = 0.002$. Hipotesis

nol ditolak kerana nilai signifikan adalah lebih rendah daripada 0.05, mengesahkan kewujudan perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ.

5. Perbincangan

Berdasarkan dapatan yang diperoleh dari 105 orang guru, purata tahap motivasi mereka adalah pada 4.14. Tahap motivasi positif ini menunjukkan guru berpuas hati dan menaruh keyakinan terhadap modul ini. Motivasi, keyakinan dan kecekapan guru bukan opsyen dapat ditingkatkan dengan menyediakan pembelajaran berkaitan pengajaran PJ yang dapat mengurangkan kebimbangan mereka untuk mengajar (Kihara et al., 2021). Purata yang paling tinggi ialah aspek relevan (4.36) dan nilai purata yang paling rendah (3.93) ialah aspek keyakinan.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan motivasi antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ. Pembolehubah bebas bagi kajian ini adalah 62 (59%) orang guru opsyen PJ dan 43 (41%) orang guru bukan opsyen PJ. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan antara guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ. Guru opsyen PJ mempunyai skor motivasi yang lebih tinggi berbanding guru bukan opsyen PJ dengan perbezaan purata sebanyak 3.58.

Perkara ini berlaku berkemungkinan kerana guru opsyen PJ pernah menerima latihan formal atau kelayakan dalam subjek PJ yang boleh meningkatkan motivasi dan keyakinan mereka. Tindakan ini menjadikan mereka berasa lebih kompeten untuk mengajar gimnastik. Sebaliknya, guru bukan opsyen yang kurang mendapat latihan khusus mungkin tidak begitu yakin untuk menjalankan aktiviti secara praktikal. Ini boleh mempengaruhi motivasi untuk mengajar kemahiran gimnastik untuk kali pertama. Sekiranya guru bukan opsyen dibekalkan bahan pengajaran yang berkualiti dengan tambahan bimbingan, yakni dapat memberi motivasi kepada mereka. Kihara et al., (2021) mengatakan bahawa pembelajaran yang diberikan dalam jangka masa panjang mempunyai kesan positif terhadap pembangunan profesional guru bukan opsyen. Ini bersamaan dengan Clohessy et al. (2021), motivasi guru bukan opsyen dapat ditingkatkan dengan membangunkan aspek kepimpinan guru melalui pengajaran PJ. Wright et al. (2020) juga menyatakan bahawa keyakinan dan motivasi guru bukan opsyen boleh ditingkatkan melalui program pembangunan profesional guru yang menfokuskan pada keupayaan guru.

Seterusnya, guru PJ memang mempunyai minat dalam PJ. Minat ini boleh membawa kepada motivasi yang lebih tinggi dalam pengajaran PJ. Sebaliknya, guru bukan opsyen PJ mungkin tidak mempunyai minat yang sama tinggi dengan guru opsyen PJ menyebabkan motivasi dipengaruhi untuk mengajar topik gimnastik. Faktor-faktor ini berkemungkinan merupakan cabaran bagi guru opsyen PJ dalam mengajar topik gimnastik di luar kepakaran mereka.

Kelemahan dan Cadangan Kajian Lanjutan

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, kajian ini hanya melibatkan guru di daerah Kota Tinggi, Johor. Ini menyebabkan dapatan kajian mungkin tidak dapat digeneralisasikan kepada guru di kawasan lain yang mempunyai ciri demografi dan sosioekonomi yang berbeza. Lagipun, saiz sampel kajian dikira kecil dan tidak cukup mewakili populasi guru secara keseluruhan. Kajian masa depan mencadangkan untuk melibatkan sampel yang lebih besar contohnya merangkumi guru dari pelbagai lokasi di seluruh Malaysia. Ini dapat memperoleh dapatan kajian yang lebih luas dan mencerminkan situasi sebenar tahap motivasi guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ. Penyelidikan melibatkan zon, bandar, luar bandar juga boleh dijadikan salah satu kajian untuk mengenal pasti perbezaan tahap motivasi berdasarkan latar belakang lokasi dan sosioekonomi.

Dalam kajian ini, penggunaan instrumen tunggal seperti soal selidik juga dianggap sebagai satu kelemahan. Walaupun soal selidik merupakan alat yang berkesan untuk mendapatkan data kuantitatif, namun sesetengah jawapan yang diberi berkemungkinan bukan jawapan yang mencerminkan pandangan sebenar. Untuk memperbaiki kelemahan ini, boleh menggunakan pendekatan campuran dengan menambahkan kaedah pengumpulan data seperti temu bual atau pemerhatian. Temu bual membolehkan pengkaji mengumpul pandangan daripada guru mengenai modul gimnastik. Pemerhatian pula boleh dijalankan di dalam bilik darjah untuk memerhati tingkah laku yang lebih objektif mengenai tahap keyakinan dan kepuasan mereka dalam konteks kerja sebenar. Dengan menggabungkan pelbagai kaedah pengumpulan data, dapatan kajian akan lebih holistik dan mempunyai kebolehpercayaan yang lebih tinggi. Ini juga membantu mengatasi potensi bias dan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang motivasi guru.

6. Kesimpulan

Modul Latihan Gimnastik mempunyai impak yang positif dalam meningkatkan motivasi guru opsyen PJ dan guru bukan opsyen PJ dalam mengajar topik gimnastik Tahun 5. Modul ini menyediakan panduan yang berstruktur dengan memenuhi keperluan guru dalam penyediaan RPH, strategi pengajaran dan sekali gus meningkatkan pengetahuan serta kemahiran mereka dalam bidang gimnastik PJ. Guru dapat mempelajari teknik-teknik asas gimnastik, meningkatkan pemahaman tentang aspek keselamatan dan pedagogi gimnastik. Guru opsyen PJ

cenderung memberikan motivasi yang lebih tinggi manakala guru bukan opsyen PJ mendapat manfaat besar daripada modul ini. Penghargaan diberikan kepada Nurhidayah Yaakop, Denise Koh & Ruhizan Mohammad Yasin (2023) kerana telah menyumbang pembangunan pendidikan jasmani yang berkualiti di sekolah rendah.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dan dorongan sepanjang proses membangunkan projek ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Jie Ying Low, Denise Koh Choon Lian, *M. Khalid M. Nasir* ; **pengumpulan data:** Jie Ying Low; **analisis dan interpretasi hasil:** Jie Ying Low; **penyediaan draf manuskrip:** Jie Ying Low, Denise Koh Choon Lian, *M. Khalid M. Nasir*. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

Rujukan

Amin, A. W. M., & Lian, D. K. C. (2022). Persepsi literasi fizikal dalam kalangan guru pendidikan jasmani di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 145–159.

Bolarinwa, O. M. (2020). Influence of sports on academic performance of secondary school students in Ekiti State, Nigeria. *International Review of Social Sciences and Humanities*, 102–113.

Bores-Garcia, D., Hortiguera-Alcala, D., & Fernandez-Rio, F.-J. (2021). Research on cooperative learning in physical education: Systematic review of the last five years. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 92(1), 146–155.

Clohessy, L., Bowles, R., & Ní Chróinín, D. (2021). Follow the leader? Generalist primary school teachers' experiences of informal physical education leadership. *Education 3–13*, 49(6), 661–673. <https://doi.org/10.1080/03004279.2020.1765835>

Hafizati Husna, I., & Suziyani, M. (2021). Kompetensi guru-guru bukan opsyen dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah (Competence of non-optional teachers in the teaching and learning of preschool education). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2). <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>

Hasnah, I., & Badusah, J. (2017). Kompetensi guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 56–65.

Joseph, E. D., Kracht, C. L., & Romain, J. S. (2019). Young children's screen time and physical activity: Perspectives of parents and early care and education center providers. *Global Pediatric Health*, 6, 1–13.

Keller, J. M. (2010). Motivational design for learning and performance: The ARCS model approach (1st ed.). Springer.

Keller, J. (2000). How to integrate learner motivation planning into lesson planning: The ARCS model approach.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2019). *Buku panduan pengurusan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan*. Putrajaya: Jemaah Nazir.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013–2025*. Institut Aminuddin Baki.

Kihara, S., Jess, M., McMillan, P., Osedo, K., Kubo, K., & Nakanishi, H. (2021). The potential of lesson study in primary physical education: Messages from a longitudinal study in Japan. *European Physical Education Review*, 27(2), 223–239. <https://doi.org/10.1177/1356336X20932950>

- Lim, S., & Denise, K. (2021). Aktiviti fizikal dan kelakuan sedentari dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 261–268.
- Lynch, T., & Soukup, G. J. (2017). Primary physical education (PE): School leader perceptions about classroom teacher quality implementation. *Cogent Education*, 4(1), 1–32.
- Muhammad Faizal, A. G., Faisol Elham, Zulkifli Awang, & Shahril@Chairil Marzuki. (2014). Pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah kawasan bandar dan luar bandar: Perspektif murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 53–64.
- Mustafa, M. A., & Salleh, N. M. (2019). Sport education in primary school in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(12).
- Nurhidayah Yaakop, Denise Koh, & Ruhizan Mohammad Yasin. (2023). *Panduan pengajaran gimnastik asas Tahun 5*. KPM.
- Nurhidayah, Y., Mohd Norazmi, N., & Helvinder, K. (2021). Non-direct teaching: A review. *Turkish Journal of Physiotherapy and Rehabilitation*, 4866–4870.
- Siti Hauzimah, S. (2019). Pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 56–67.
- Syed Kamaruzaman, S. A., Mohd Zaki, C. H., & Julismah, J. (2014). Efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 43–51.
- Syed Kamaruzaman, S. A., & Parawazalam, A. R. (2017). Tahap perancangan bahan sumber, kemudahan dan peralatan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 170–176.
- Wee, E. H. (2019). Implementation of physical education programme in Malaysian primary schools. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 27(S3), 1–15.
- Wee, E. H., & Chin, N. S. (2020). Perceived barriers to the provision of physical education in Malaysian primary schools. *IOSR Journal of Sports and Physical Education*, 22–28.
- Wee, E. H., Cheng, W. F., & Chin, N. S. (2021). Teachers' perceived barriers to implementation of physical education: Examining the administration of physical education programme and the provision of non-human resources. *Collegium Antropologicum*, 45, 191–200.
- Wright, C., Buxcey, J., Gibbons, S., Cairney, J., Barrette, M., & Naylor, P. J. (2020). A pragmatic feasibility trial examining the effect of job embedded professional development on teachers' capacity to provide physical literacy enriched physical education in elementary schools. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(12), 1–20. <https://doi.org/10.3390/ijerph17124386>